

Dedah risiko KL dilanda bencana alam

Kuala Lumpur: Pengetahuan khusus mengendalikan risiko bencana alam di bandar raya ini perlu diterapkan kepada anggota di pelbagai agensi awam dan swasta supaya dapat menangani masalah itu dengan lebih pantas dan efisien.

Ia termasuk memberi pendedahan kepada pegawai agensi terbabit mengenai kaedah Pusat Kawalan SMART Jabatan Pengairan dan Sa-

liran (JPS), Pengurusan Stormwater dan Road Tunnel (SMART) serta Empangan Klang Gates menguruskan amaran banjir di seluruh ibu negara.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Sosio-Ekonomi) Kementerian Wilayah Persekutuan Datuk Nor'Aini Abd Wahab berkata, usaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) memberi maklumat mengenai bencana yang bo-

leh menimpa bandar raya ini juga patut didedahkan kepada orang ramai.

“Kami akan menyalurkan maklumat berkenaan risiko kejadian banjir di ibu negara sekiranya hujan lebat tanpa henti di pelbagai media sosial seperti laman Facebook, Twitter dan lain-lain.

“Selain itu, orang ramai juga boleh berkongsi pendapat dalam menangani bencana bersama agensi terbabit me-

lalui laman Facebook mereka,” katanya pada Program Perkongsian Ilmu Pengurusan Bencana di Kuala Lumpur bersama Agensi Kerajaan, di sini, semalam.

Dalam program berkenaan, seramai 100 pegawai dari 20 agensi kerajaan yang juga Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) menyertai taklimat dan lawatan ke Empangan Klang Gates dan Lorong SMART.